

Headline	Sambutan luar biasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	12	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	501 cm ²
Journalist	IZLAILY NURUL AIN HUSSEIN	AdValue	RM 19,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,209



FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN

SALAHUDDIN (tengah) bergambar bersama ketua jabatan Kementerian Pertanian memakai baju Maha 2020 pada Majlis Penutupan Sambutan HPPNK 2019, semalam.



Sambutan luar biasa

Kerajaan mahu bangunkan beberapa sektor baharu pertanian

Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kerajaan yakin dapat membangunkan beberapa lagi sektor dalam bidang berkaitan pertanian selepas melihat sambutan luar biasa masyarakat sepanjang empat hari penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, Johor umpamanya



SALAHUDDIN memakai baju Maha 2020 sebagai gimmik pelancaran pada majlis penutupan sambutan HPPNK 2019, semalam.

boleh menawarkan beberapa pakej menarik seperti industri ruminan

membabitkan ternakan. "Saya yakin beberapa sektor dapat dibangunkan

dengan lebih cemerlang pada masa akan datang. Johor masih ada tanah yang banyak untuk diberikan kepada kita dalam bentuk padang ragut untuk dijadikan ladang ternakan," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan majlis penutup HPPNK di Angsana Johor Bahru Mall di sini, semalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menasaskan hasil nilai jualan sebanyak RM30 juta pada HPPNK 2019 dan hampir mencapai matlamat apabila dapat mengumpul kira-kira RM26 juta setakat 10 pagi semalam.

Malah, jumlah pengunjung

mencecah 430,000 sehingga 10 pagi dan diyakini dapat mencapai sasaran pengunjung 500,000 sehingga tamat HPPNK malam tadi.

Pada masa sama, Salahuddin berkata, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia akan menjadi lebih proaktif memandangkan permintaan untuk mengeksport buah berkenaan sangat tinggi.

"Permintaan eksport sangat tinggi, jadi tidak cukup. Saya akan pastikan kita dapat menarik pelaburan baharu dan pemain baharu yang mahu ceburi bidang ini.

"Johor akan dibangunkan

menjadi hab kerangka-karangan yang mana pantai dari Pontian ke Muar dilihat sesuai dari segi ekosistemnya untuk membangunkan industri terbabit.

"Saya melihat potensi ini akan dibangunkan dengan lebih tuntas pada masa akan datang," katanya.

Dalam mendepani kecanggihan *Internet of Things* (IoT), Salahuddin berkata, agensi seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah bersedia dengan beberapa aplikasi baharu.

"Semua aplikasi ini akan dibekalkan kepada petani moden kita supaya mereka dipandu dan tidak ketinggalan dan dapat meningkatkan pendapatan mereka," katanya.